

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94**

April 1994

PDP 476 - Kaedah Mengajar Geografi

Masa : (3 jam)

Jawab EMPAT (4) soalan dari yang berikut. Setiap soalan membawa markah yang sama.

SOALAN WAJIB

1. Taba dan Massialas-Cox mengemukakan teori penterjemahan dapatan kepada keputusan menerusi minda murid. Jelas dan bandingkan kedua-duanya dalam konteks pendidikan geografi Malaysia.

SOALAN PILIHAN

2. Pendidikan geografi di Malaysia sering dikaitkan dengan aliran perkembangan geografi kolonial atau Barat. Komen dan ulaskan kenyataan ini dengan merujuk kepada isi dan status geografi di dalam sukatan pelajaran sekolah.
3. Sediakan satu perancangan pengajaran Geografi Tempatan bagi dua waktu (80 minit) untuk murid-murid Tingkatan 4. Ulas dan jelaskan sebab-sebab anda memilih objektif, nilai-nilai murni dan teknik pengajaran seperti yang dirancang.
4. Halkan kesemua perkara di bawah:
 - (a) kaedah simulasi dan main peranan.
 - (b) tatacara penggunaan papan tulis sistematis.
 - (c) kaedah perbincangan berkumpulan.

...2/-

- 2 -

5. Kerja Lapangan membantu murid membuat perkaitan langsung antara teori atau pengalaman dengan elemen alam sebenar yang dialami. Ulaskan kenyataan ini dengan merujuk kepada kepentingan, tatacara dan implikasi kerja lapangan dalam pengajaran geografi.

6. Peperiksaan di dalam subjek geografi sering ditumpukan kepada prestasi akademik murid sahaja dan tidak keseluruhan elemen dalam kurikulum. Komen dan jelaskan hal ini dari sudut elemen-elemen kurikulum dan implikasinya kepada pengajaran-pemelajaran geografi.

- oooOooo -